

# MyGDI

NEWSLETTER

Edisi 2/2020

www.mygeoportal.gov.my    facebook.com/PGNKeTSA

## KANDUNGAN

### Halaman 1

MaCGDI KINI DIKENALI SEBAGAI PUSAT GEOSPATIAL NEGARA

### Halaman 2

PENYEDIAAN VIDEO VISUAL UNTUK APLIKASI MyGeoName / PEMBANGUNAN GIS MENJADI PERHATIAN NEGERI TERENGGANU

### Halaman 3

KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI ICT Ketsa / MESYUARAT AGENSI TUNJAK DAN CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL DITERUSKAN BAGI TAHUN 2020

### Halaman 4

JOM SUMBANGKAN ARTIKEL ATAU LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI GEOSPATIAL ANDA!



SCAN ME

Imbas kod QR ini untuk melayari gerbang utama aplikasi dan perkhidmatan MyGDI:

MyGeoportal

## MaCGDI KINI DIKENALI SEBAGAI PUSAT GEOSPATIAL NEGARA

1997



2002



2020



### TARIKH:

10 September 2020

**BERITA RINGKAS:** Mengimbau sejarah, Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2002, menggantikan Sekretariat yang mengurus Sistem Infrastruktur Kebangsaan bagi Sistem Maklumat Tanah (NalIS) di Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK). Ini kerana objektif dan fungsi MaCGDI yang bertanggungjawab menyelaras Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) dilihat lebih berupaya untuk dilaksanakan ke seluruh negara.

Selangkah ke hadapan, kini MaCGDI telah digantikan kepada Pusat Geospatial Negara (PGN) dengan visi, misi serta fungsi baharu yang akan dimaklumkan kelak bagi memperkasa MyGDI serta menyelaras aktiviti-aktiviti geospasial negara.

## PENYEDIAAN VIDEO VISUAL UNTUK APLIKASI MyGeoName



**TARIKH:** 28-29 Januari 2020 / 22 Julai 2020

**TEMPAT:** Pulau Carey, Kuala Langat / Bukit Malawati, Kuala Selangor, Selangor

**PENGLIBATAN:** Pusat Geospasial Negara (PGN) dan Bahagian Kartografi dan GIS (BKGIS), JUPEM.

**BERITA RINGKAS:** Sesi rakaman ini telah dijalankan di kedua-dua tempat ini bagi melengkapkan kandungan Modul Video Visual yang terdapat di dalam aplikasi MyGeoName. Video tersebut memberi tumpuan kepada sejarah dan keistimewaan tempat-tempat tersebut. PGN bercadang untuk membangunkan video visual bagi satu (1) *Point Of Interest* (POI) dalam setiap daerah di negeri Selangor dan akan meluaskan penyediaannya ke negeri-negeri lain di masa akan datang.



## PEMBANGUNAN GIS MENJADI PERHATIAN NEGERI TERENGGANU



**TARIKH:** 26 Ogos 2020


**TEMPAT:** Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** YBrs. Tuan Haji Zuwsian Bin Awang, Setiausaha Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu bersama lima (5) pegawai lain.



**BERITA RINGKAS:** Delegasi Negeri Terengganu telah mengadakan kunjungan hormat yang bertujuan untuk membincangkan hala tuju pembangunan Sistem Maklumat Geografi (GIS) negeri tersebut. Sesi kunjungan hormat ini melibatkan pembentangan latar belakang, perkhidmatan dan kolaboratif strategik pembangunan GIS yang telah dicapai oleh PGN bersama agensi lain. Pihak PGN amat berbesar hati dan berharap dapat bersama-sama membantu menjayakan pembangunan GIS di peringkat negeri khususnya untuk Negeri Terengganu.

## KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI ICT KeTSA



**TARIKH:** 8 September 2020

**TEMPAT:** Dewan Baiduri, KeTSA, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** Warga KeTSA.

**BERITA RINGKAS:** Hari ICT KeTSA 2020 telah dianjurkan secara bersama oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Pusat Geospatial Negara (PGN) bertemakan "Industrial Revolution 4.0: Normalizing the New Normal". Tujuan program adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga KeTSA terhadap kepentingan keselamatan siber serta meningkatkan pemahaman dan kesedaran mengenai teknologi geospatial dan *big data analytics* Kementerian ini. Dirasmikan oleh YBrs. Encik Badurunhisam bin Mohd Nor, Setiausaha Bahagian Kanan Khidmat Pengurusan KeTSA merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO), Hari ICT KeTSA turut diserikan dengan *booth-booth* pameran, ceramah, permainan Kahoot!, kuiz *online* serta acara cabutan bertuah.

## MESYUARAT AGENSI TUNJAK DAN CUSTODIAN DATA GEOSPATIAL DITERUSKAN BAGI TAHUN 2020



**TARIKH:** Ogos-September 2020


**TEMPAT:** Wisma Sumber Asli, Putrajaya

**PENGLIBATAN:** Agensi Tunjuk dan Custodian Data Geospatial bagi 12 Kategori Data Fundamental MyGDI.

**BERITA RINGKAS:** Mesyuarat ini dijalankan setiap tahun bertujuan untuk menyelaras, mengemaskini dan mengenalpasti isu-isu berbangkit dalam pembangunan dan perkongsian data geospatial di bawah 12 kategori data fundamental MyGDI dalam kalangan agensi berkepentingan. Sehingga 8 September 2020, antara mesyuarat yang telah berjaya dilaksanakan adalah bagi kategori *Built Environment*, *Special Use*, *Hypsography*, *General*, *Transportation*, *Hydrography* dan *Utility*.

## JOM SUMBANGKAN ARTIKEL ATAU LAPORAN BERGAMBAR AKTIVITI GEOSPATIAL ANDA!

PGN akan menerbitkan senaskhah Buletin Geospatial Sektor Awam (BGSA) bagi tahun 2020 yang mengandungi perkembangan MyGDI dan aktiviti-aktiviti geospatial di seluruh negara. Justeru, sidang pengarang BGSA amat mengalu-alukan penghantaran artikel teknikal dan laporan bergambar aktiviti geospatial yang berlaku di agensi atau organisasi anda. Artikel teknikal atau laporan bergambar yang berjaya dipilih oleh sidang pengarang akan dijadikan sebagai salah satu kandungan di dalam penerbitan BGSA 2020. Jadi, jangan lepaskan peluang ini!



### PANDUAN UMUM UNTUK PENULIS:

- Penghantaran boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
- Setiap artikel teknikal perlu mempunyai abstrak dan perlu ditulis dengan huruf condong (*italic*);
- Format-format lain adalah seperti berikut:
  - ◆ Jenis huruf (*font*) : Arial
  - ◆ Saiz huruf bagi tajuk : 12
  - ◆ Saiz huruf : 10
  - ◆ Langkau (*spacing*) : Single
  - ◆ Margin : Atas, bawah, kiri dan kanan ialah 2.5 cm
  - ◆ Justifikasi teks : Kiri
  - ◆ Lajur (*column*) : Satu lajur setiap muka surat
- Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* aplikasi **Microsoft Word**;
- Semua imej grafik hendaklah dalam format **.tif** atau **.jpg** dengan resolusi tidak kurang daripada 150 d.p.i.; dan
- Segala pertanyaan dan sumbangan hendaklah dinyatakan sebagai **Untuk Perhatian: Sekretariat Buletin Geospatial Sektor Awam, PGN** dan ditujukan kepada alamat yang tertera di bawah.

Diterbitkan oleh:

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA  
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI  
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI  
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8886 1156  
FAKS: 03-8889 4851  
LAMAN WEB: [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my)



KEMENTERIAN  
TENAGA DAN SUMBER ASLI